

02 APR 1998

Bas Mini-Muzium

BAS MINI AKAN DIPAMERKAN DI MUZIUM

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Bas mini yang tamat riwayatnya Selasa lepas setelah berjasa kepada warga kota hampir 23 tahun walaupun kadang kala karehannya kurang disenangi akan dipamerkan di muzium.

Jabatan Muzium dan Antikuiti sedang berusaha mendapatkan sebuah bas mini untuk tujuan itu dan berharap ada pihak yang sudi menyumbanginya.

Ketua Pengarahnya Dr Kamarul Bahrain Buyong berkata jabatan itu akan menentukan kemudian sama ada untuk mempamerkan bas itu di Muzium Negara atau di Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.

"Bekas pengusaha bas mini yang berminat untuk menyumbang bas mereka boleh menghubungi saya dengan segera," katanya ketika dihubungi Bernama, di sini hari ini.

Katanya sebagai balasan pengusaha terbabit akan diberi surat penghargaan oleh pihak jabatan.

Dr Kamarul Bahrain berkata langkah mempamerkan bas mini di muzium adalah perkara biasa yang dibuat oleh jabatan itu sebagai memperingati jasa individu atau barang tertentu kepada negara.

"Kita sebelum ini mempamerkan kereta Proton Saga, kereta api Bukit Bendera dan kapal korek melombong bijih timah di Muzium Negara, kerana nilai sejarah yang ada pada barang terbabit.

"Dalam jangka masa panjang pihak jabatan juga bercadang untuk menerbitkan sebuah buku tentang sejarah bas mini," katanya.

Bas mini diperkenalkan di Kuala Lumpur pada Ogos 1975. Ketika zaman kemuncaknya iaitu pada 1993, bilangannya mencapai 1,028 buah.

Bas mini pernah mengalami beberapa perubahan termasuk penyeragaman warna kepada merah jambu pada 1992, seperti dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di samping meningkatkan mutu perkhidmatan dengan memperkenalkan bas berhawa dingin.

Tambang tetap bas itu yang pada asalnya hanya 40 sen dinaikkan kepada 50 sen pada tahun 1980-an dan kemudian dinaikkan lagi kepada 60 sen dan 70 sen bagi bas berhawa dingin pada tahun 1990-an. -- BERNAMA

NY AKD